

29/01/2001

Bahagian Matrikulasi, UM elak pertindihan

KUALA LUMPUR, Ahad - Keputusan kerajaan mengekalkan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM) tidak akan menyebabkan pertindihan fungsi dengan Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir sebaliknya yakin kedua-duanya boleh saling melengkapi antara satu sama lain.

Lagipun, katanya, UM bukan saja mempunyai infrastruktur lengkap tetapi juga pengalaman mengendalikan program Asasi Sains untuk pelajar Bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak 1977.

Program Matrikulasi anjuran Kementerian Pendidikan pula, katanya, bertujuan menambah lagi pelajar Bumiputera dalam bidang yang sama.

"Walaupun sudah wujud Bahagian Matrikulasi di Kementerian Pendidikan, kedua-duanya boleh berjalan seiring dan tidak menjejaskan mana-mana pihak.

"Tambah pula pensyarah UM sendiri sanggup untuk meneruskan khidmat bakti mereka bagi meneruskan program itu. Oleh itu, kenapa kita perlu mematahkan semangat mereka?" katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya UM meneruskan operasi Pusat Asasi Sainsnya.

Pusat Asasi Sains yang mengendalikan program untuk menyediakan pelajar Bumiputera lepasan SPM melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama di universiti itu, sebelum ini dijangka ditutup April ini.

Langkah itu berikutan UM sudah menghentikan pengambilan pelajar program Asasi Sains dua tahun lalu selepas Kementerian Pendidikan mengambil alih program berkenaan dan matrikulasi dari semua institusi pengajian tinggi awam.

Bagaimanapun penutupan itu mendapat bantahan banyak pihak, termasuk pensyarah pusat itu.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan, Prof Madya Dr Mokhtar Bidin berkata, bahagian itu bersedia menawarkan UM mengendalikan program matrikulasinya di Pusat Asasi Sains universiti itu.

Katanya, langkah itu bukan saja dapat menambah tempat untuk pelajar Bumiputera lepasan SPM, tetapi juga menjamin UM tidak menghadapi masalah mendapat pelajar cemerlang memasuki universiti itu.

"Tambah pula, UM sendiri mengakui mereka tidak boleh mengambil ramai pelajar. Oleh itu, kita bersedia menawarkan UM menggunakan kurikulum program Matrikulasi kerana langkah itu akan memberi manfaat kepada pelajar dan universiti sendiri. Malah, UM boleh terus menggunakan tenaga pengajarnya sendiri jika mahu," katanya.

(END)